

# CaRE kutip dana bantu pesakit kanser

**S**ERDANG: Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE) Universiti Putra Malaysia (UPM) buat julung kalinya akan menganjurkan program Healthy Lifestyle Day 2012 pada 21 April depan bagi mengutip dana bagi pesakit kanser.

Pengarah CaRE, Prof Dr Mazanah Muhamad berkata, dana yang dikutip menerusi jualan meja makan malam amal itu masih dibuka kepada organisasi atau individu berminat.

“Program bermula dari jam 7 pagi hingga 10 malam itu turut menganjurkan senaman QiGong pada sebelah pagi untuk memperkenalkan keunikannya dalam memelihara kesihatan, terutama penyakit kronik seperti kanser,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurut Mazanah, peserta berpeluang menyer-

tai perbincangan kumpulan rakan sebaya mengenai kanser.

“Satu pusat rujukan akan diwujudkan supaya memudahkan masyarakat mendapatkan maklumat berkaitan jenis penyakit, cara rawatan dan perubatan,” katanya.

Selain itu, katanya, tiga aktiviti utama akan dijalankan sepanjang program iaitu saringan kesihatan, pameran poster dan program kesedaran.

Saringan kesihatan termasuk ujian dan tekanan darah, indeks jisim tubuh (BMI), pemeriksaan paras glukos, pemeriksaan sendiri payudara (PSP) dan kempen menderma darah.

Tempahan jualan meja dibuat dengan menghubungi 1-800-22-2233 atau 03-89472706 atau laman web [www.cancereducation.org my](http://www.cancereducation.org.my) atau [www.care.upm.edu.my](http://www.care.upm.edu.my).